

# CIMETIDINE 200

# CIMETIDINE 400

Cimetidine 200mg / Cimetidine 400mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

- Apakah kegunaan *Cimetidine*
- Bagaimana *Cimetidine* berfungsi
- Sebelum mengambil *Cimetidine*
- Cara menggunakan *Cimetidine*
- Semasa menggunakan *Cimetidine*
- Kesan-kesan sampingan
- Cara penyimpanan dan pelupusan *Cimetidine*
- Maklumat lanjut
- Pengilang
- Pemegang pendaftaran produk
- Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Cimetidine*

Untuk rawatan ulser perut, ulser akibat ubat-ubat tertentu, refluks perut-usus dan sindrom Zollinger-Ellison.

## Bagaimana *Cimetidine* berfungsi

*Cimetidine* adalah tergolong dalam kumpulan ubat antagonis reseptor H<sub>2</sub>, yang bertindak mengurangkan pengeluaran asid dalam perut.

## Sebelum mengambil *Cimetidine*

*Bila tidak boleh mengambil*

Jika ada alahan terhadap *cimetidine* dan ramuan-ramuan lain *Cimetidine*.

*Sebelum mula mengambil*

Beritahu doktor sebelum memulakan rawatan.

- Jika mengidap atau pernah mengidap penyakit hati atau buah pinggang.
- Jika ada sejarah ulser usus, seperti selepas penggunaan ubat anti radang bukan steroid (NSAID) seperti aspirin, ibuprofen, naproxen, diclofenac.
- Jika mengambil ubat atau ada penyakit yang menyebabkan penurunan bilangan sel darah.
- Jika usia meningkat atau perubahan tanda-tanda ketidakhadaman seperti sakit perut atau tidak selesa, pedih ulu hati), tanda-tanda kanser perut perlu diberi perhatian.

*Jika mengambil ubat-ubat lain*

*Cimetidine* dilaporkan berinteraksi dengan banyak ubat. Pengurangan dos biasa ubat seperti siklosporin, linokain, nifedipin, fenitoin, suksametonium, teophylin dan warfarin perlu diadakan.

## Cara menggunakan *Cimetidine*

*Berapa banyak harus diambil*

Ulser usus aktif: 800mg sebelum tidur untuk sekurangnya 4 minggu. Susulan: 400mg sebelum tidur untuk 6 bulan.

Ulser akibat NSAID: 400mg dua kali sehari atau 800mg setiap malam untuk sekurang-kurangnya 8 minggu.

Penyakit refluks perut-usus: 0.8 – 1.6gm/hari sehingga 12 minggu.

Sindrom Zollinger-Ellison: 400mg 4 kali sehari atau kadang-kadang lebih.

*Bila perlu diambil*

*Cimetidine* diambil mengikut arahan doktor. Jika tidak pasti, semak semula dengan doktor atau ahli farmasi.

*Berapa lama perlu diambil*

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

*Jika terlupa mengambil*

Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas. *Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)*

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

## Semasa menggunakan *Cimetidine*

*Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

*Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sehinggalah jangka rawatan selesai. Tanda-tanda penyakit mungkin berulang jika rawatan dihentikan terlalu awal.

*Perkara yang perlu diberi perhatian*

Beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan,

## Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan jarang berlaku dan pulih selepas pengurangan atau pemberhentian pengambilan ubat.

Kesan-kesan paling biasa dilaporkan adalah cirit-birit, pening, letih, sakit kepala dan ruam. Keadaan kekeliruan berlaku pada orang tua atau yang

berpenyakit buah pinggang. Pembesaran buah dada dan impotens pernah berlaku pada lelaki yang mengambil dos tinggi seperti rawatan

sindrom Zollinger-Ellison. Kesan-kesan lain pernah dilaporkan adalah alahan, demam, sakit otot, sakit sendi, gangguan darah dan jantung.

Gangguan hati(sakit perut dan abdomen, hilang selera dan demam kuning) dan buah pinggang (darah dalam air kencing, peningkatan atau pengurangan air kencing, loya, muntah) jarang berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835400, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Pengguna →Laporan)

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Cimetidine*

*Penyimpanan*

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

*Pelupusan*

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

## Maklumat lanjut

*Rupa dan warna produk*

*Cimetidine 200:* Tablet putih, bulat dan biconveks.

*Cimetidine 400:* Putih, bujur, biconveks, tertera P-P.

*Bahan-bahan kandungan* *cimetidine*, polivinilpirolidon, laktos monohidrat, mikrokristalin selulos, magnesium sterat dan kroskarmelos natrium,

*No. MAL:*

*Cimetidine 200:* MAL19973015A

*Cimetidine 400:* MAL19984396A

## Pengilang

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Pemegang pendaftaran keluaran

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini

15/05/2013